



HASiL

KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA

HASiL/2023/07/06 - 54

SESI LIBAT URUS PELAKSANAAN E-INVOIS LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (HASiL) DIPERKASA DI ZON SABAH

Kota Kinabalu, 6 Julai 2023 – Negeri Sabah merupakan destinasi seterusnya dalam siri jelajah Sesi Libat Urus Pelaksanaan Sistem e-Invois anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) yang telah berjaya menghimpunkan hampir 200 orang peserta terdiri daripada para pengamal percukaian, badan profesional dan media Zon Sabah bertempat di Hotel Sutera Pacific, Kota Kinabalu Sabah.

YBrs. Encik Hisham bin Rusli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) dalam ucapannya berkata, pelaksanaan e-invois ini mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh HASiL selain memberikan manfaat berganda kepada pembayar cukai dari segi meningkatkan kecekapan operasi perniagaan, memudahkan urusan penyimpanan rekod dan mengurangkan kos pematuhan cukai mereka.

Dalam konteks percukaian, pelaksanaan e-invois ini dapat memperkemas dan memperkasakan sistem percukaian negara, meningkatkan ketelusan cukai (*tax transparency*) di samping menyediakan penilaian risiko pematuhan yang lebih tepat seterusnya menyokong hasrat kebanyakan negara ke arah pendigitalan pentadbiran cukai (*digitalisation of tax administration*).



la juga dapat mewujudkan transaksi perniagaan yang lebih telus sekali gus membantu kerajaan mengatasi masalah ekonomi bayangan (*shadow economy*) yang menyebabkan berlakunya ketirisan hasil cukai negara.

Sebanyak 3 sesi libat urus mengenai pelaksanaan e-invois telah diadakan sebelum ini iaitu di Lembah Klang pada 22 Mei 2023, di Zon Utara pada 09 Jun 2023 dan di Zon Sarawak pada 26 Jun 2023 yang lalu. Adalah diharapkan dengan penganjuran 4 sesi libat urus berkenaan pelaksanaan e-invois ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai hasrat pihak kerajaan untuk menambah baik sistem percukaian negara dan mendorong kepada peningkatan tahap pematuhan cukai dalam kalangan pembayar cukai di Malaysia.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public>

###

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 6 Julai 2023



LAMPIRAN



YBrs. Encik Hisham bin Rusli, TKPE (Pengurusan) (ketiga dari kanan) sedang memberikan ucapan alu-aluan kepada para peserta yang hadir pada sesi libat urus yang terdiri daripada pengamal percukaian, badan profesional dan media Zon Sabah.



YBrs. Encik Hisham bin Rusli, TKPE (Pengurusan) (ketiga dari kanan) sedang menyantuni serta menjawab pertanyaan daripada para wartawan berkenaan pelaksanaan e-invois yang bakal memudahkan urusan pentadbiran cukai langsung negara.

LAMPIRAN



YBrs. Encik Hisham bin Rusli, TKPE (Pengurusan) (tengah) merakamkan gambar kenang-kenangan bersama-sama dengan Pengurusan HASiL dan para peserta Sesi Libat Urus Pelaksanaan e-Invois Zon Sabah.

